

**PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN •  
CENTRE FOR RISK MANAGEMENT, OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH**

Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1  
Tarikh : 6 Mei 2021

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,  
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.3/2021**

**SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA (KAMPUS BANGI DAN KAMPUS KUALA LUMPUR)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan pihak Kerajaan yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di 6 daerah di Selangor iaitu Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang dan Kuala Langat bermula 6 Mei 2021 hingga 17 Mei 2021 dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula 7 Mei 2021 hingga 20 Mei 2021. Sehubungan dengan itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan memperketatkan kawalan aktiviti pengoperasiannya seperti perkara berikut:

**i. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN**

- a. Semua perkhidmatan di UKM akan beroperasi dengan kehadiran 30% (maksimum) bagi kumpulan pengurusan, manakala bagi kumpulan pelaksana hendaklah ditentukan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, sistem penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebijakan staf. Garis Panduan BDR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://www.ukm.my/pendaftar>;
- b. Semua kakitangan yang terlibat dalam perkhidmatan penting (essential services) seperti Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Hospital Pakar Kanak-Kanak, Fakulti Pergigian, Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Prasarana-UKM dan Jabatan Bendahari dibenarkan beroperasi secara fizikal mengikut keperluan. Pekerja syarikat atau kontraktor luar adalah dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ketat;
- c. **MESUARAT SECARA BERSEMUKA** yang melibatkan pelbagai Pusat Tanggungjawab dan agensi luar adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dilaksanakan secara **DALAM TALIAN SEPENUHNYA**;
- d. **MESUARAT DALAMAN SECARA BERSEMUKA** di Pusat Tanggungjawab masing-masing **ADALAH DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP 50% kapasiti ruang dan dijalankan tidak lebih dari tempoh 2 jam;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh



- e. **AKTIVITI SECARA BERSEMUKA** seperti majlis rasmi/ majlis sosial/ kursus/ bengkel dan persidangan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dilaksanakan secara **DALAM TALIAN SEPENUHNYA**;
  - f. Operasi perkhidmatan di Tadika Tunas UKM, Fakulti Pendidikan adalah dibenarkan beroperasi tertakluk kepada arahan kementerian/ agensi berkaitan sepanjang tempoh PKP;
  - g. Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 di Makmal Institut Perubatan Molekul (UMBI) adalah diteruskan sebagai membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
  - h. Pihak pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi mengeluarkan **“SURAT KEBENARAN UNTUK BEKERJA DAN RENTAS NEGERI/DAERAH BAGI KEPERLUAN BERTUGAS SECARA FIZIKAL SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)”** dan;
  - i. Borang *Health Declaration Form* (HDF) hendaklah diisi seperti amalan sebelum ini.
- ii. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN**
- a. Pelajar yang telah berada di kampus boleh terus kekal di kampus untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Bagi pelajar lain, pembelajaran bagi semua program pengajian diteruskan dari rumah secara dalam talian sehingga tamat tempoh PKP;
  - b. Pelajar yang ingin pulang berhari raya dibenarkan berbuat demikian selaras dengan arahan Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 30 April 2021 berdasarkan garis panduan yang ditetapkan di dalam Memo Hal-Ehwal Pelajar Bil 5/2021;
  - c. Peperiksaan antarabangsa dan Badan Profesional adalah dibenarkan dijalankan di kampus;
  - d. Pelajar-pelajar berkeperluan seperti latihan klinikal, peperiksaan profesional, makmal, studio, amali atau akses *internet* dan seumpamanya adalah dibenarkan. **“SURAT KEBENARAN KELUAR/MASUK KAMPUS”** akan dikeluarkan oleh pihak Ketua PTj masing-masing bagi membolehkan pelajar yang berkeperluan memohon kebenaran merentas negeri atau daerah untuk tujuan ini; dan
  - e. Semua aktiviti yang mendapat kebenaran untuk dilaksanakan secara fizikal hendaklah mematuhi SOP yang ketat sepetimana yang disediakan oleh PTj masing-masing.

**iii. HAL EHWAL PELAJAR (WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA)**

- a. Premis seperti kafetaria dalam kampus adalah dibuka. Walau bagaimanapun, hanya kaedah *take away* sahaja dibenarkan. Perkhidmatan penghantaran makanan melalui aplikasi dalam talian adalah **dibenarkan**; dan
- b. Pihak Universiti melalui Pusat Hal-Ehwal Pelajar akan sentiasa bersedia membantu dan memastikan keperluan serta kebajikan para pelajar terjamin. Sekiranya pelajar memerlukan bantuan kebajikan dan informasi semasa berkaitan pelajar, pegawai berikut boleh dihubungi:



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh



Nama : Encik Asyraf Radzwan  
 Jawatan : Penolong Pendaftar Kanan  
 Pusat Hal-ehwal Pelajar  
 E-mel : [asyraf@ukm.edu.my](mailto:asyraf@ukm.edu.my)  
 No. Telefon : 012 - 9510714 / 03-8921 3147

#### iv. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- a. Semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal adalah dibenarkan melalui surat kebenaran Ketua PTj dengan mengikut SOP yang ketat;
- b. Pelajar luar kampus yang menjalankan aktiviti penyelidikan hendaklah mendapatkan surat kebenaran keluar/masuk kampus daripada Ketua PTj masing-masing; dan
- c. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 (Versi 2.0) yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://research.ukm.my/kekeling-2/>.

#### v. KESELAMATAN KAMPUS

- a. Warga kampus adalah dinasihatkan untuk menjaga keselamatan barang peribadi dan alatan pejabat pada setiap masa dan memastikan semua premis berada di tahap keselamatan yang tinggi sebelum YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan meninggalkannya sepanjang tempoh PKP;
- b. Rondaan keselamatan akan dipertingkatkan dalam tempoh ini;
- c. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah **WAJIB** mengemukakan surat kebenaran masuk kampus sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM;
- d. Penerima vaksin sepanjang tempoh PKP perlu mengemukakan bukti temujanji melalui aplikasi MySejahtera sekiranya diminta.

3. Untuk makluman, Bilik Gerakan COVID-19 UKM di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) akan beroperasi 24 jam. Sebarang pertanyaan dan bantuan, warga UKM boleh menghubungi:

a. **Dr. Mohd Azman Abas**

Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti di talian:  
016-6654442; dan

b. **Dr. Masdalina Azhari**

Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 019-2645072



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh



Pihak pengurusan Universiti berdoa agar semua pihak terus komited dan bertengang dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UKM dan rakyat Negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

*"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu"*

Yang benar

PROF. TS. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- |      |   |  |
|------|---|--|
| s.k. | - | Naib Canselor  |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)                 |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)                  |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)                       |
|      | - | Timbalan Naib Cancellor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat) |
|      | - | Pendaftar  |
|      | - | Bendahari  |
|      | - | Ketua Pustakawan   |
|      | - | Penasihat Undang-Undang  |
|      | - | Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti                             |



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

